

NKF bantu 1,550 pesakit buah pinggang

KUALA LUMPUR 9 Jan. - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) akan menganjurkan jualan hamper bagi mengutip dana untuk didermakan kepada 28 pusat dialisis sekali gus membantu 1,550 pesakit buah pinggang di seluruh negara.

NKF dalam satu kenyataan menjelaskan, usaha mereka itu juga adalah sempena perayaan Tahun Baharu Cina pada akhir bulan ini.

“Dua jenis hamper akan ditawarkan kepada pembeli yang ingin melakukan kerja amal kepada mereka yang memerlukan iaitu hamper jenis A bernilai RM258 dan jenis B berharga RM358.

“Melalui cara ini orang ramai dapat menyumbang dana kepada pesakit-pesakit dan pada masa yang sama mendapat hamper,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, orang ramai boleh melayari laman www.nkf.org.my atau hubungi **017-375 5998** untuk sebarang pertanyaan berhubung usaha NKF ini.